

**Soalan No : 62**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]

**TARIKH :** 23.3.2015

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab mengapa sehingga kini cadangan untuk melaksanakan kurikulum Bahasa Malaysia yang sama dengan Sekolah Kebangsaan bagi pelajar SJKC dan SJKT bermula dengan pelajar Tahun Empat pada 2014 belum lagi di implementasi dan adakah Program Memartabatkan Bahasa Malaysia boleh membantu usaha ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan proses penyamarataan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Malaysia kepada murid Tahun 4 pada tahun 2014 secara berperingkat-peringkat dengan merapatkan jurang perbezaan kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dengan Sekolah Kebangsaan (SK). Proses ini berlaku sehinggalah titik persamaan kurikulum Bahasa Malaysia SK dan SJK bertemu pada akhir Tahun 5 pada tahun 2015. Kurikulum Bahasa Malaysia yang sama akan disuaikan pada Tahun 6 2016. Pelaksanaan ini bertepatan dengan permulaan Gelombang 2 dalam PPPM 2013-2025.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Memartabatkan Bahasa Malaysia di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) juga disasarkan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa kebangsaan murid di SJK supaya setara dengan murid di SK. Beberapa inisiatif MBMMBI seperti penambahan masa, latihan guru, kelas pemulihan di luar jadual waktu, program LINUS2.0 dan Program Pemulihan 3M (ProTiM) telah dilaksanakan. Di samping itu, KPM turut melaksanakan pelbagai aktiviti koakademik yang berteraskan bahasa kebangsaan. Aktiviti koakademik bahasa boleh meningkatkan minat dan penyertaan murid dalam aktiviti kebahasaan, membangunkan keyakinan dan kefasihan berbahasa serta membentuk dan memperkuuh lagi asas perpaduan dalam kalangan murid.

RJM52